

Cabaran Guru Menggunakan Bahan Elektronik dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah

(The Challenge of Teachers Using Electronic Materials in the Teaching and Learning Process of History Subjects)

Fatin Imanina Abd. Rahman^{1*}, Anuar Ahmad²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: fatinimaninaa@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: anuarmd@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Fatin Imanina Abd. Rahman
(fatinimaninaa@gmail.com)

KATA KUNCI:

Cabaran Guru
Pendidikan Sejarah
Bahan Elektronik
Pengajaran dan Pembelajaran

KEYWORDS:

Teacher Challenges
History Education
Electronic Materials
Teaching and Learning

CITATION:

Fatin Imanina Abd. Rahman, & Anuar Ahmad. (2024). Cabaran Guru Menggunakan Bahan Elektronik dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(2), e002701. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i2.2701>

ABSTRAK

Pendidikan Sejarah merupakan sebuah ilmu yang tertua dan telah lama diajarkan di sekolah-sekolah di Malaysia serta merupakan satu daripada dua mata pelajaran wajib lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dalam meneliti dan memahami tentang Pendidikan Sejarah, cabaran guru dalam proses pengajaran perlu dititikberatkan bagi memastikan kesempurnaan pembelajaran. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji cabaran guru menggunakan bahan elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran. Kaedah kualitatif berbentuk kajian kes dan penggunaan instrumen temu bual separa berstruktur digunakan bagi mengumpul data. Seramai sepuluh orang guru beropsyen Sejarah di daerah Kulim dijadikan peserta kajian, iaitu lima orang guru perempuan dan lima orang guru lelaki. Data temu bual dianalisis untuk mencari tema dan diberi kod. Dapatan kajian menunjukkan guru menghadapi beberapa cabaran antaranya kekangan masa, kekurangan kemahiran, peningkatan beban tugas dan kekurangan kemudahan di dalam kelas. Kajian ini memberi sumbangan dalam menyediakan maklumat empirikal tentang cabaran penggunaan bahan elektronik bukan sahaja dalam kalangan guru beropsyen Sejarah, malah juga kepada guru-guru lain.

ABSTRACT

History Education is the oldest science and has been taught in schools in Malaysia for a long time and is one of the two compulsory subjects to pass at the Malaysian Certificate of Education (SPM) level. In researching and understanding about History Education, the teacher's challenge in the teaching process needs to be emphasized to ensure the perfection of learning. Therefore, this study aims to examine the challenges of teachers using electronic materials in teaching and learning. Qualitative methods in the form of case studies and the use of semi-structured interview

instruments were used to collect data. A total of ten teachers with the option of History in the Kulim district were made participants in the study, namely five female teachers and five male teachers. Interview data were analyzed to find themes and coded. The findings of the study show that teachers face several challenges including time constraints, lack of skills, increased workload and lack of facilities in the classroom. This study contributes in providing empirical information about the challenges of using electronic materials not only among teachers with the option of History, but also to other teachers.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini ialah mendapati bahawa penggunaan bahan elektronik dalam kalangan guru-guru di sekolah luar bandar tidak seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

1. Pengenalan

Pendidikan Sejarah seringkali dianggap sebagai sebuah mata pelajaran yang bosan, jemu dan 'mengantuk' (Kaviza et al., 2019). Pembelajaran bagi Pendidikan Sejarah biasanya menggunakan teknik syarahan dan hafalan semata-mata (Dahalan et al., 2018). Penggunaan papan putih atau *whiteboard* merupakan kaedah yang sering kali menjadi pilihan utama para guru Sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Namun tetapi, masih terdapat pelbagai kaedah pengajaran yang boleh digunakan termasuklah penggunaan teknologi yang mampu menghasilkan pembelajaran interaktif.

Teknik dan strategi pengajaran merupakan intipati utama dalam menghasilkan pembelajaran abad ke-21 (Taib et al., 2019). Penggunaan bahan bantu mengajar dalam bidang pendidikan bukanlah sesuatu yang baharu. Penggunaan bahan bantu mengajar sebagai strategi pengajaran dilihat mampu menarik minat pelajar (Charles & Ling, 2020). Kemahiran dan kesediaan yang tinggi diperlukan bagi memastikan setiap aspek dan isi pengajaran dapat 'dikeluarkan' dengan jelas dan sampai kepada pelajar.

Namun begitu, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pola pendekatan pengajaran guru-guru dalam pengajaran Sejarah lebih banyak tertumpu kepada pendekatan pengajaran yang bersifat tradisional. Dalam mendalami dan menguasai ilmu Pendidikan Sejarah, guru dan pelajar memerlukan pendekatan pengajaran yang lebih kontemporari seperti penggunaan bahan elektronik dalam pengajaran. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran guru dalam menggunakan bahan elektronik dalam pengajaran Pendidikan Sejarah.

1.1. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran guru Sejarah dalam menggunakan bahan elektronik dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

2. Sorotan Literatur

2.1. Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh [Jaafar dan Mohd Noor \(2016\)](#), membuktikan pembelajaran Sejarah adalah bersifat sehalu dan hanya berpusatkan guru. Pembelajaran Sejarah dijalankan tanpa interaksi dan keterlibatan pelajar. Guru-guru tidak mempunyai kepakaran dan hanya mengekalkan kaedah pengajaran turun temurun. Penggunaan teknik hafalan juga merupakan antara 'kewajipan' dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Hal yang sama turut dijelaskan oleh [Abdul Talib et al. \(2023\)](#), kaedah pembelajaran Sejarah bersifat sehalu dan lebih berpusatkan guru. Penggunaan buku teks dan teknik syarahan yang berlebihan menyebabkan pelajar tidak berinteraksi dengan guru seterusnya menjadikan pembelajaran kaku.

Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh [Kaviza \(2019\)](#) menunjukkan penggunaan *Document Based Lessons* dalam pembelajaran Sejarah mampu merangsang dan meningkatkan semangat pelajar untuk belajar Sejarah. Dapatan kajian ini juga menunjukkan tahap kemahiran belajar Sejarah meningkat dengan penggunaan *Document Based Lessons*. Di samping itu, penggunaan kaedah ini juga dapat mengekalkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu peristiwa Sejarah.

Selain itu, terdapat pelbagai kaedah lain yang boleh diguna pakai dalam sesebuah pengajaran. Menurut [Kiamsin dan Talin \(2018\)](#), pelajar cenderung kepada pengajaran berasaskan interaksi dua hala seperti kaedah soal jawab, pembentangan, perbahasan dan *Gallery Walk*. Penggunaan kaedah ini menunjukkan berlaku peningkatan prestasi dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Sejarah selain memupuk pelbagai Kemahiran baru dan meningkatkan motivasi.

Namun demikian, kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah juga boleh berlaku dengan menjalankan aktiviti pembelajaran di muzium. Seperti yang diketahui, muzium adalah tempat koleksi barangan yang terkait denganinggalan Sejarah. Oleh itu, melalui koleksi yang terdapat di muzium dapat merangsang minat pelajar serta melibatkan pelajar secara aktif ([Abdul Talib et al., 2023](#)). Hal ini secara langsung akan mewujudkan suasana aktif dan menyeronokkan dengan pelbagai aktiviti seperti penerokaan, penyelidikan, menganalisis dan menyelesaikan masalah. Kepelbagaian aktiviti ini menggalakkan pemikiran aras tinggi dan kritis dalam kalangan pelajar.

3. Metod Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk kualitatif dengan penggunaan teknik temu bual separa berstruktur. Kaedah persampelan yang digunakan adalah kaedah persampelan bertujuan. Berdasarkan [Idris \(2010\)](#), setiap kajian yang dijalankan memerlukan proses mengumpul dan mendapatkan data. Data yang dimaksudkan adalah dapatan yang diperoleh oleh pengkaji berkaitan sesuatu topik penyelidikan yang dipilih. Untuk kajian ini, teknik temu bual digunakan sebagai instrumen pengumpulan data. Temu bual dijalankan berdasarkan soalan-soalan yang telah dibangunkan oleh pengkaji berpandukan kepada objektif kajian bagi mendapatkan maklumat yang tepat. Dua orang pakar telah dilantik dalam bidang ini bagi mengesahkan kandungan soalan yang bertepatan dengan topik yang dikaji. Sebelum kajian dijalankan, pengkaji telah mengambil langkah awal dengan mendapatkan surat kebenaran untuk menjalankan kajian daripada pihak Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkaji juga berjaya memperoleh sokongan dan kebenaran pihak sekolah yang terlibat untuk menjalankan sesi temu bual bersama peserta kajian secara bersemuka. Pengkaji juga mengedarkan maklumat dan prosedur ringkas berkenaan kajian yang akan dilaksanakan kepada peserta kajian yang terlibat. Peserta kajian bersetuju dan memberi keizinan untuk

ditemu bual dengan syarat identiti dan maklumat sulit tidak didedahkan untuk kegunaan peribadi.

Pemilihan sekolah pula adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan iaitu sekolah menengah berstatus luar bandar di daerah Kulim, Kedah. Pengkaji memilih dua buah sekolah mengikut kriteria yang ditetapkan dengan bilangan peserta kajian seramai 10 orang. Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan beberapa ukuran iaitu mestilah guru beropsyen Sejarah, mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya setahun, guru yang mengajar Pendidikan Sejarah di tingkatan empat dan lima sahaja serta bersedia untuk terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk memberi maklumat berkenaan kajian. Peserta kajian yang terlibat berumur 26 tahun hingga 50 tahun. Temu bual yang dijalankan adalah berbentuk separa berstruktur di mana temu bual ini bersifat fleksibel dan keadaan ini membantu peserta kajian menjelaskan dengan terperinci berkenaan soalan yang diajukan. Terdapat juga beberapa soalan tambahan diajukan kepada peserta kajian semasa temu bual dijalankan. Temu bual mengambil masa sekurang-kurangnya 30 minit sehingga 45 minit bagi satu temu bual yang dijalankan. Satu pertemuan dijalankan bersama seorang peserta kajian menjadikan sepuluh pertemuan berlangsung secara keseluruhan. Temu bual dirakam dengan keizinan peserta kajian dan ditranskripkan secara verbatim. Rakaman yang diperoleh diberikan kod dan tarikh temu bual dijalankan sebagai panduan kepada pengkaji serta abjad 'PK' diwujudkan bagi mewakili setiap peserta kajian. Data dan maklumat yang diperoleh dianalisis secara bertema mengikut analisis kandungan semantik dan diterjemahkan melalui penggunaan *Microsoft Words* dan dihuraikan dengan jelas dan terperinci dalam bahagian dapatan kajian.

4. Hasil Kajian

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan kajian bagi mencapai objektif, iaitu mengenal pasti cabaran guru menggunakan bahan elektronik dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah di dua buah sekolah luar bandar daerah Kulim. Bagi memudahkan perbincangan, peserta kajian diberi kod seperti PK1 merujuk kepada peserta kajian 1 dan seterusnya sehingga peserta kajian 10. Berdasarkan [Jadual 1](#), peserta kajian terdiri daripada lima orang guru lelaki dan lima orang guru perempuan dengan keseluruhan peserta kajian bersamaan 10 orang. Peserta kajian ini terdiri daripada guru-guru yang bergred jawatan dari gred DG41 sehingga gred DG48 yang berumur 26 tahun hingga 50 tahun. Kesemua peserta kajian merupakan guru yang mengajar Pendidikan Sejarah di dua sekolah menengah daerah Kulim. Peserta kajian juga berumur dalam lingkungan 26 tahun sehingga 50 tahun semasa temu bual dijalankan.

Jadual 1: Demografi Peserta Kajian

Peserta Kajian (PK)	Jantina	Umur
PK 1	Lelaki	26
PK 2	Lelaki	35
PK 3	Lelaki	33
PK 4	Lelaki	50
PK 5	Lelaki	26
PK 6	Perempuan	26
PK 7	Perempuan	30
PK 8	Perempuan	44
PK 9	Perempuan	27
PK 10	Perempuan	28

4.1 Cabaran Guru Menggunakan Bahan Elektronik dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Penggunaan bahan elektronik dalam pengajaran bukan sahaja memberi kesan positif kepada guru dan pelajar malah juga mempunyai cabarannya yang tersendiri. Cabaran-cabaran ini sedikit sebanyak telah mengganggu proses dan keberkesanan pengajaran. Cabaran yang dikenal pasti adalah a) kekangan masa, b) kemahiran guru, c) beban tugas guru, dan d)kekurangan kemudahan.

4.1.1. Kekangan Masa

Hasil analisis dapatan kajian mendapati bahawa guru-guru Pendidikan Sejarah menghadapi masalah kekangan masa untuk menggunakan bahan elektronik dalam pengajaran. Peserta kajian mengatakan bahawa mereka perlu mengambil masa yang lama untuk mempersiapkan penggunaan bahan elektronik sebelum dan selepas pengajaran. Terdapat juga risiko sekiranya peranti elektronik yang digunakan mengalami masalah ketika penggunaannya.

“Penggunaan bahan elektronik dalam pengajaran sangatlah ‘perlu’ dalam konteks pendidikan hari ini, namun kesuntukan masa menyebabkan saya jarang memilih untuk menggunakan bahan elektronik seperti LCD projektor. Saya perlu set up projektor sebelum memulakan pengajaran yang mengambil masa agak lama. Itu belum lagi masalah teknikal yang berlaku semasa pengajaran menggunakan bahan elektronik berlangsung”. (PK 1)

“Pemasangan projektor ‘mencuri’ waktu pengajaran saya, saya juga perlu menyediakan pelbagai peranti sokongan untuk menggunakan alat elektronik”. (PK 2)

Kajian juga mendapati peserta kajian tidak menggunakan bahan elektronik dalam pengajaran kerana jarak antara kelas dan makmal komputer agak jauh. Jadi, bagi memastikan waktu pengajaran digunakan sepenuhnya, penggunaan bahan elektronik seperti komputer kurang menjadi pilihan para guru dalam menyampaikan isi pengajaran dan pembelajaran.

“Memandangkan jarak antara kelas dengan makmal agak jauh, jadi saya kurang menggunakan bahan elektronik bagi menjimatkan masa. Pelajar biasanya tiba di makmal agak lewat dan saya perlu habiskan pengajaran lebih awal bagi memastikan pelajar kembali ke kelas untuk sesi pengajaran seterusnya”. (PK 3)

Masalah teknikal semasa pengajaran menggunakan bahan elektronik juga telah ‘mencuri masa’ pengajaran. Oleh hal yang demikian, guru-guru lebih memilih untuk menggunakan inisiatif bahan pengajaran yang tidak menggunakan alatan elektronik seperti penggunaan buku teks.

“Pada pandangan saya, penggunaan bahan elektronik dalam pengajaran memerlukan masa yang lebih panjang. Saya lebih suka memilih penggunaan bahan bukan elektronik bagi menjimatkan masa sesuai dengan waktu pengajaran yang pendek”. (PK 9)

4.1.2. Kemahiran Guru

Kekurangan kemahiran dalam teknologi elektronik juga merupakan salah satu cabaran guru dalam menggunakan bahan elektronik sebagai bahan bantu mengajar. Dapatan kajian menunjukkan guru tidak menggunakan bahan elektronik kerana percaya terdapat lebih banyak cara lain dalam menarik minat pelajar untuk belajar. Penggunaan bahan bukan elektronik dilihat lebih mudah dan senang digunakan sudah pasti menjadi pilihan para guru.

“Saya menghadapi cabaran dalam mengadaptasikan sistem pengajaran dengan kemajuan era pemodenan lebih-lebih lagi dalam menggunakan alatan berasaskan elektronik sewaktu pengajaran. Penggunaan bahan elektronik memerlukan kemahiran. Saya jarang sekali menggunakan bahan elektronik kerana tidak berkemahiran. Bagi saya, tidak menggunakan bahan elektronik bukan bermakna saya gagal dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar”. (PK 10)

Selain itu, kos yang tinggi untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran teknologi juga menyebabkan guru ketinggalan dalam menggunakan bahan elektronik dalam pengajaran.

“Setiap guru kini harus merancang aktiviti pengajaran sesuai dengan kehendak sistem pendidikan masa kini. Generasi hari ini tidak seperti generasi dahulu. Dalam hal ini, saya mengakui saya kurang berkemahiran dalam penggunaan bahan elektronik dalam pengajaran. Jadi, saya perlu mempersiapkan diri dengan kaedah pengajaran seiring dengan perkembangan arus teknologi. Namun, kos yang tinggi untuk saya mengikuti kursus kadang-kala menyebabkan saya hilang motivasi”. (PK4)

4.1.3. Beban Tugas Guru

Hasil dapatan temu bual menunjukkan guru tidak menggunakan bahan elektronik dalam pengajaran kerana sedia terbeban dengan tugas-tugas lain. Peserta kajian menjelaskan penggunaan bahan elektronik memerlukan pengendalian yang teratur sebelum, semasa dan selepas penggunaannya. Walaupun kelihatan remeh, namun penggunaan bahan elektronik memerlukan kawalan yang teliti. Sikap dan disiplin pelajar juga dititikberatkan bagi memastikan sesi pengajaran menggunakan bahan elektronik berjalan dengan lancar.

“Berdasarkan pengalaman saya, penggunaan bahan elektronik meningkatkan beban tugas kerana saya perlu mengendalikan banyak perkara dalam satu masa. Contohnya, saya perlu memastikan disiplin pelajar semasa penggunaan alat elektronik, penyediaan awal sebelum penggunaan bahan elektronik dan penyelenggaraan selepas penggunaan bahan elektronik sekiranya perlu. Memandangkan saya sendiri perlu menyelesaikan tugas lain yang lebih penting, jadi saya jarang memilih untuk menggunakan bahan elektronik dalam pengajaran”. (PK 2)

Penggunaan bahan elektronik tidak menjadi pilihan kerana guru-guru perlu menyediakan bahan sokongan untuk menggunakan bahan elektronik. Peserta kajian berpendapat, penyediaan bahan sokongan seperti filem pendek dan slaid memerlukan penyediaan yang rapi dan kemas. Namun, tugas-tugas lain yang sedia banyak membebaskan peserta kajian untuk menyediakan bahan sokongan untuk pengajaran menggunakan bahan elektronik.

“Penyediaan bahan sokongan menjadi penghalang untuk saya menggunakan alatan elektronik. Ini kerana, terdapat banyak tugas hakiki yang perlu saya siapkan menyebabkan saya tidak sempat untuk sediakan bahan sokongan pengajaran seperti slaid dan filem pendek”. (PK 5)

4.1.4. Kekurangan Kemudahan

Kekurangan kemudahan bahan elektronik di sekolah-sekolah merupakan antara cabaran guru menggunakan bahan elektronik semasa pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan kekurangan peranti elektronik di setiap kelas menyukarkan guru untuk menggunakan bahan tersebut. Selain itu, bilangan yang terhad dan peranti yang ‘úzur’ juga menyebabkan guru tidak memilih penggunaan elektronik sebagai alat bantu mengajar.

“Saya perlu ke makmal komputer sekiranya memerlukan bahan bantuan mengajar berbentuk elektronik kerana kekurangan kemudahan di dalam kelas”. (PK 3)

“Cabaran penggunaan bahan elektronik adalah kekurangan kemudahan seperti overhead projector dalam kelas. Tidak semua kelas mempunyai projektor. Saya terpaksa ambil inisiatif untuk ke makmal komputer sekolah yang kadangkala bertindan dengan guru lain”. (PK 5)

“Pada pandangan saya, kemudahan bahan elektronik yang agak terhad di sekolah merupakan cabaran terbesar. Bilangan komputer yang sedikit tidak mampu menampung bilangan pelajar yang ramai dalam setiap kelas”. (PK 6)

“Kekurangan komputer di sekolah. Hal ini secara langsung menyebabkan kurangnya penggunaan bahan elektronik dalam pengajaran. Penggunaan bahan elektronik lain seperti ‘printer’ tidak ada masalah”. (PK 8)

Hal yang sama turut disuarakan oleh peserta kajian 7. Beliau juga menegaskan bahawa peranti yang ‘úzur’ menyebabkan guru kurang memilih penggunaan elektronik sebagai alat bantu mengajar.

“Cabarannya adalah kekurangan prasarana dan alat sokongan. Kebanyakan bahan elektronik yang terdapat di sekolah sudah uzur dan banyak juga perkakasan yang sudah tidak boleh digunakan. Kalau ada yang boleh digunakan pasti ada saja kekurangan kelengkapannya. Pembaharuan prasarana perlu melalui prosedur yang amat panjang, leceh lah”. (PK 7)

Hasil temu bual jelas menunjukkan kekangan yang dihadapi oleh guru-guru Sejarah dalam menggunakan bahan elektronik dalam pengajaran bukan sahaja tertumpu kepada faktor kesediaan alat elektronik semata-mata, tetapi juga faktor lain seperti kekangan masa dan kemahiran guru.

5. Perbincangan

Terdapat beberapa cabaran yang dilalui oleh guru dalam menggunakan bahan elektronik dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Cabarannya ialah kekangan masa, kekurangan kemahiran, peningkatan beban tugas dan kekurangan kemudahan. Dalam era teknologi yang serba canggih ini, masih terdapat segelintir guru yang tidak berminat

untuk menggunakan teknologi sebagai media pengajaran (Husin & Khalid, 2014). Kajian Othman (2007) mendapati guru tidak menggunakan bahan elektronik dalam pengajaran kerana kekurangan bahan elektronik serta sukar mendapatkan bahan berkualiti. Kekurangan sumber tersebut menyebabkan guru gagal menghasilkan pembelajaran yang afektif.

Pengaplikasian pengajaran berasaskan bahan elektronik memerlukan kemudahan atau fasiliti yang baik dan lengkap bagi menghasilkan matlamat pembelajaran berjalan dengan lancar. Kekurangan kemudahan dan fasiliti yang tidak diselenggarakan dengan baik menyebabkan guru-guru kurang memilih pendekatan pengajaran menggunakan bahan elektronik (Abdul Rahman et al., 2022). Begitu juga pada analisis kajian Fadila et al. (2016) menunjukkan kebanyakan guru tidak menggunakan bahan elektronik seperti komputer dan perkakas lain di sekolah mereka kerana kemudahan fasiliti yang tidak lengkap.

Analisis kajian ini membuktikan kekurangan peranti elektronik di setiap kelas menyukarkan guru untuk menggunakan bahan tersebut. Selain itu, bilangan yang terhad dan peranti yang 'úzur' juga menyebabkan guru tidak memilih penggunaan elektronik sebagai alat bantu mengajar. Kemudahan sekolah perlu ditambah baik daripada aspek kualiti dan kuantiti. Walau bagaimanapun, kajian ini menjelaskan guru menunjukkan sikap yang positif terhadap aplikasi teknologi. Hal ini mungkin kerana dapatan sampel yang menjurus kepada guru yang berpengalaman kurang 10 tahun yang rata-rata mahir teknologi.

Seterusnya, hasil dapatan menunjukkan guru tidak memilih penggunaan bahan elektronik dalam pengajaran kerana kesuntukan masa. Guru-guru memerlukan masa yang panjang untuk mempersiapkan penggunaan bahan elektronik sebelum dan selepas pengajaran. Hasil dapatan ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Ramakrishnan et al. (2014) yang menunjukkan satu daripada sepuluh cabaran yang dihadapi oleh guru Sejarah dalam menggunakan bahan elektronik dalam pengajaran adalah kekangan masa. Masalah teknikal semasa pengajaran menggunakan bahan elektronik juga dikhuatiri 'mencuri masa' pengajaran. Oleh hal yang demikian, guru-guru lebih memilih untuk menggunakan inisiatif bahan pengajaran yang tidak menggunakan alatan elektronik.

Jadual guru yang padat merupakan benteng halangan bagi setiap guru dalam menggunakan bahan elektronik (Ilias et al., 2013). Hal ini berlaku kerana kesempitan masa pengajaran yang begitu pendek. Analisis dapatan kajian menunjukkan penggunaan bahan elektronik seperti LCD memerlukan masa penyediaan sebelum dan selepas penggunaan. Hal ini seterusnya menyebabkan topik pengajaran tidak berjalan sesuai dengan perancangan. Guru berpendapat terdapat pelbagai kaedah lain yang tidak memerlukan masa yang panjang seperti penggunaan buku teks dan bahan bukan elektronik lain yang mampu meningkatkan kefahaman pelajar.

Di samping itu, kemajuan dalam bidang pendidikan membawa kepada impak baharu buat para guru yang sinonim dengan bebanan tugas di sekolah dan luar sekolah (Poobalan & Mahmud, 2022). Perkembangan teknologi dalam dunia pendidikan sememangnya memberikan satu fenomena baru yang menyebabkan ramai guru mengeluh dan rasa terbeban. Guru perlu mencari masa dan ruang untuk menyediakan bahan bantu mengajar serta menghadiri kursus bagi mengadaptasikan diri dengan penggunaan bahan elektronik dalam pengajaran. Beban tugas yang berlebihan menyebabkan tekanan psikologi dan kemerosotan motivasi. Kemudahan asas yang tidak dipenuhi seperti peranti elektrik dan

teknologi akan memberi motivasi yang rendah kepada guru dan pelajar dalam meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran khususnya di kawasan luar bandar.

Penggunaan bahan elektronik memerlukan guru untuk mempersiapkan diri dengan kemahiran teknologi. Kajian terhadap penggunaan bahan elektronik oleh [Ramakrishnan et al. \(2014\)](#) menunjukkan penggunaan bahan elektronik dalam kalangan guru Pendidikan Sejarah berada dalam tahap yang rendah. Hasil kajian juga menunjukkan guru cuba mencari inisiatif sendiri untuk meningkatkan kemahiran dalam penggunaan bahan elektronik. Namun, kos yang tinggi untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran teknologi menyebabkan guru kadang kala hilang motivasi untuk meningkatkan kemahiran tersebut. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru menghadapi cabaran untuk menggunakan bahan elektronik dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

Masalah kekurangan kemahiran guru dalam penggunaan bahan elektronik merupakan salah satu cabaran kerana ia memberi kesan terhadap proses pengajaran guru. Kemahiran ini juga berkait rapat dengan kreativiti guru di mana guru dianggap lemah sekiranya tiada daya kreativiti untuk menggunakan bahan elektronik ([Ilias et al., 2013](#)). Hal ini sedikit sebanyak akan mengganggu proses dan keberkesanan pengajaran. Oleh itu, setiap guru perlu mendalami ilmu teknologi bagi mengadaptasikan pembelajaran abad 21 ([Aziz & Lai, 2019](#)) menggunakan bahan elektronik. Keterbatasan penggunaan bahan elektronik adalah disebabkan kekurangan penguasaan pengetahuan dan kemahiran untuk menggunakan sumber elektronik dalam pengajaran.

Selaras dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh [Jaafar dan Mohd Noor \(2016\)](#) yang menunjukkan guru Sejarah mempunyai kepakaran yang rendah dalam menggunakan bahan elektronik dalam pengajaran. Dapatan menunjukkan hampir kesemua guru Sejarah hanya menggunakan kaedah tradisional sebagai bahan bantu mengajar tanpa menggunakan bahan elektronik lain kerana kurang berkemahiran. Tambahnya lagi, sudah menjadi kelaziman guru-guru Sejarah, pengajaran dilakukan dengan satu kaedah sahaja iaitu pengajaran berbentuk syarahan atau ceramah bervariasi.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kebanyakan guru Sejarah khususnya di luar bandar menghadapi masalah dalam menyesuaikan diri dalam menggunakan bahan elektronik dalam pengajaran. Walaupun dikatakan penggunaan bahan elektronik membantu meringankan dan memudahkan urusan, namun penggunaan bahan elektronik jarang menjadi pilihan para guru Sejarah dalam proses pengajaran. Hal ini terbukti dengan dapatan kajian yang menunjukkan terdapat beberapa cabaran luar dan dalam yang menyebabkan keadaan ini berlaku. Bertitik tolak daripada itu, guru-guru tidak seharusnya bersikap sambil lewa dengan menjadikan cabaran-cabaran tersebut sebagai penghalang untuk guru memajukan diri setara dengan perkembangan teknologi yang dihadapi. Pihak yang berwajib juga seharusnya lebih peka terhadap aspek kemudahan sekolah khususnya di sekolah-sekolah luar bandar yang dilihat kini lebih 'tenat' berbanding dengan sekolah di bandar. Oleh itu, semua pihak seharusnya menggembelng tenaga dalam mewujudkan sistem pendidikan yang 'duduk sama rendah, berdiri sama tinggi' setanding dengan negara-negara maju.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Pengkaji merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak yang sudi memberi kerjasama sepanjang proses kajian dilaksanakan sehingga kepada pihak yang terbabit dalam proses penerbitan.

Kewangan (*Funding*)

Penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak sepanjang kajian dijalankan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Rahman, M. H., Marzuki, M., Ali, A. H., Abd Latiff, A. N., & Mokhtar, S. (2022). Pelaksanaan Kegiatan Ko-Kurikulum Dan Kemudahan Fasiliti Di Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) dalam Mencapai Kecemerlangan Pendidikan Sekolah Negeri Terengganu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 18–34. DOI: 10.35631/IJEPC.745002
- Abdul Talib, N. S., Abdul Ghani, K., & Yusuff, N. A. (2023). Keberkesanan Aktiviti Pembelajaran Sejarah di Muzium: Satu Kajian Kes. *Kajian Malaysia*, 41(2), 267–290. DOI:10.21315/km2023.41.2.13
- Aziz, N., & Lai, W. S. (2019). Impak Pendidikan Berasaskan Teknologi Terhadap Peningkatan Prestasi Pelajar di UKM. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(1), 69–75. <https://journalarticle.ukm.my/18701/>
- Charles, M. L., & Ying L. L. (2020, October). *Peranan bahan bantu mengajar dan persekitaran maklum balas dalam meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar*. National Research Innovation Conference (NRICon 2020), Sarawak, Malaysia. <https://www.researchgate.net/publication/344781071>
- Dahalan, S. C., Abdul Razaq, A., & Awang M. M. (2018, July). *Peningkatan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah melalui teknik elaborative interrogation: Satu sorotan kajian*. Proceedings of International Conference on The Future of Education (IconFed), Perak, Malaysia. <https://www.researchgate.net/publication/326681205>
- Fadila, N., Mahamod, Z., & Wan Mohamad, W. M. R. (2016). Kompetensi, sikap dan penggunaan aplikasi web 2.0 sebagai bahan bantu mengajar dalam kalangan guru bahasa melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 6(2), 52–58. <https://journalarticle.ukm.my/10195/1/117-230-1-SM.pdf>

- Husin, Z., & Khalid, F. (2014). Kekangan Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Di Kalangan Guru Sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. In F. Khalid, M. Y. Daud & M. J. Abd Rahman (Eds), *Aliran Terkini Dalam Pengajaran Sumber & Teknologi Maklumat: Impaknya ke atas Penyelidikan dalam Pendidikan* (pp. 74–80). Penerbit Fakulti Pendidikan, UKM.
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Mc Graw Hill Sdn. Bhd.
- Ilias, M. F., Ismail, M. F. & Jasmi, K. A. (2013, April). *Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh Guru Pendidikan Islam di Sekolah Bestari*. 3rd International Conference on Islamic Education, Selangor, Malaysia. <http://eprints.utm.my/37714/>
- Jaafar, S. A., & Mohd Nor, A. (2016). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah di Malaysia, 1957–1989. *Journal of the Department of History*, 25(2), 40–57. DOI: <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol25no2.3>
- Kaviza, M. (2019). Penjana Kemahiran Belajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah melalui Document Based Lessons. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(7), 1–12. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/34510/9717>
- Kaviza, M., Abdul Rahim, F., & Bukhari, N. (2019). Aplikasi Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Mata Pelajaran Sejarah dan Hubungannya dengan Motivasi Intrinsik: Satu Kajian Korelasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 33, 95–108. <https://www.researchgate.net/publication/332114181>
- Kiamsin, L. @ L. & Talin, R. (2018). Kaedah Pengajaran Sejarah yang Diminati Pelajar dan Justifikasinya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(2), 13 –145. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v3i2.92>
- Othman, M. A. (2007). *Keberkesanan kaedah pengajaran berbantuan komputer di kalangan pelajar pencapaian akademik rendah bagi mata pelajaran Geografi tingkatan 4 di Negeri Sembilan* (Unpublished Doctoral Thesis). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Poobalan, M. C., & Mahmud, M. S. (2022). Tahap Pengetahuan dan Persepsi Guru Terhadap Pengaplikasian TMK dalam Pengajaran Matematik Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(11), 1–10. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1885>
- Ramakrishnan, R., Esa, N., & Abdullah, S. H. (2014, August). *Kesan Penggunaan Sumber Digital Sejarah Terhadap Amalan Pemikiran Sejarah*. 23rd International Conference of Historians of Asia 2014, Kedah, Malaysia (IAHA). <https://repo.uum.edu.my/id/eprint/14569>
- Taib, S. H., Ismail, M. A., & Abdin Lubis, M. A. L. (2019). Inovasi Kesepaduan dan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran di Era Revolusi Industri 4.0. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 3(2), 38–54. <https://spaj.ukm.my/acerj/index.php/acer-j/article/view/50>